

Nama ..... Tingkatan .....

Sekolah .....

# MODUL PINTAS TINGKATAN 5

1103/1

## BAHASA MELAYU Kertas 1

$2\frac{1}{4}$  jam

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A****[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]**

*Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada strategi untuk mengatasi masalah remaja.*

*Huraikan pendapat anda tentang strategi-strategi untuk mengatasi masalah remaja.*

*Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*



**Bahagian B**  
[100 markah]  
[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

- 1 Ikatan kejiranan dianggap sebagai pelengkap kepada hubungan antara individu dalam kalangan masyarakat.

Bincangkan usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk mengukuhkan semangat kejiranan.

- 2 Kemudahan Teknologi Maklumat, termasuk media sosial dan alatan digital lain perlu dimanfaatkan dalam kaedah Pembelajaran Abad ke-21.

Huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menyokong anak-anak menggunakan kemudahan teknologi dalam pembelajaran.

- 3 Sempena sambutan Bulan Kebangsaan ke-63, anda telah mewawancara Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan Pendidikan Sultan Idris iaitu Dr Ibrahim bin Hashim tentang usaha-usaha untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Tulis teks wawancara tersebut dengan lengkap.

- 4 Kebanyakan negara maju dan negara membangun mempunyai bandar pintar yang lengkap dengan pelbagai kemudahan.

Jelaskan ciri-ciri bandar pintar di seluruh dunia yang menjadi tumpuan kepada seseorang untuk memilihnya sebagai petempatan sempurna.

- 5 ***Berjimat sebelum kena beringat sebelum habis***

Peribahasa di atas berkait rapat dengan amalan berjimat cermat dalam menjalani kehidupan.

Tulis sebuah cerita yang bertemakan amalan berjimat cermat dengan selengkapnya.

Nama ..... Tingkatan .....

Sekolah .....

# MODUL PINTAS TINGKATAN 5

1103/2

## BAHASA MELAYU

Kertas 2

$2\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

---

### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **panduan-panduan menjayakan matlamat dalam akademik dan kepentingan menetapkannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Hidup tanpa matlamat umpama sehelai daun yang ditiup angin, melayang-layang mengikut angin tanpa arah tuju destinasi yang diingininya. Dalam hidup manusia, peranan matlamat sangat penting. Begitu juga dalam bidang akademik, penetapan matlamat sangat penting. Untuk menyatakan matlamat kita, perbuatan yang senang. Namun, untuk mencapainya ialah suatu perjalanan yang penuh berliku. Matlamat ini dapat dicapai dengan cara menyatakan matlamat akademik secara bertulis. Kemudian, meletakkan matlamat tersebut di tempat yang mudah dilihat untuk mempengaruhi minda kita supaya berusaha untuk mencapai impian tersebut.

Selain itu, berkongsi matlamat dengan orang lain akan dapat membantu kita untuk menjayakan matlamat akademik kita. Berkongsi matlamat akademik dengan sahabat, ahli keluarga atau guru mahupun pensyarah sudah tentu akan membantu setiap usaha kita. Jangan wewenangnya berkongsi matlamat akademik dengan mereka yang menjadi parasit dan akhirnya turut membunuh cita-cita kita. Perkara yang paling penting untuk menjayakan matlamat akademik ialah fokus kepada sasaran, mengikuti pelan perancangan yang telah dilakukan. Jangan berhenti sekerat jalan dan terlalai fokus dengan melebihkan perkara-perkara lain. Jika hal ini berlaku, kembali kepada fokus yang ditetapkan dan meneruskan matlamat.

Penetapan matlamat haruslah tinggi. Jika kita gagal untuk mencapai matlamat tersebut sekurang-kurangnya mungkin kita telah mencapai matlamat yang agak baik. Di samping itu, keyakinan kepada diri sendiri amat perlu. Jika kita tidak berasa yakin dengan diri sendiri, bagaimana kita mahu orang lain meyakini kita? Kita sendiri telah meletakkan nilai yang sangat rendah kepada diri kita. Kita telah membunuh *potensi diri* kita sendiri. Buya Hamka, ulama dan penulis terkemuka pernah berkata, "Jangan takut gagal kerana orang yang tidak pernah gagal hanyalah orang yang tidak pernah melangkah." Jadikan kegagalan pada masa lalu sebagai pengalaman dan sebagai sempadan untuk kita tidak mengulangi kesilapan.

Apa-apa jua yang dilakukan, perlu diingatkan bahawa doa dan tawakal merupakan jalan pemula untuk mencapai kejayaan. Kita wajar menetapkan matlamat akademik kita dengan doa agar segala-gala yang dirancang akan berjaya tanpa menghadapi simpang-siur sekatan. Doa ini perlu disertai dengan usaha kerana doa tanpa usaha hanya akan menjadi sia-sia. Tidak dapat dinafikan, orang yang berjaya mempunyai tujuan hidup yang jelas. Jika kita tidak menetapkan matlamat akademik kita, kita akan sesat dan mungkin terkandas dalam perjuangan pelajaran dan akhirnya ditiup angin seperti luruhnya dedaun ke tanah. Dalam apa-apa jua perkara yang dilakukan, matlamat menjadi kompas perjalanan hidup.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Menetapkan Matlamat dalam Akademik’  
 oleh Mohd Khairul Riza Tuan Mohd Yusop,  
*Dewan Siswa, Bil. 9 2017*

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *potensi diri*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa larangan dalam menjayakan matlamat hidup.  
Nyatakan larangan-larangan tersebut. [3 markah]
- (iii) Berkongsi matlamat akademik dengan sahabat, ahli keluarga mahupun guru atau pensyarah dapat membantu murid dalam usaha untuk menjayakan impian mereka.  
Pada pendapat anda, apakah tindakan yang perlu dilakukan untuk merangsang murid mencapai matlamat dalam kehidupan mereka? [4 markah]

## Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku cepat-cepat beredar. Suara Doktor Murni melantun ke dinding pejal wad Unit Rawatan Rapi. Solehah yang tenat, yang pundi janinnya pecah di ovari, juga sedang koma. Al-Hafiz masih terlantar, tulang selangkanya patah riuk, diheret kereta sejahtera dua meter di tar keras, tidak pernah pun dijenguk Profesor Doktor Juaidi.

Juga si kecil, bayi buangan yang hampir kekeringan darah. Gadis malang yang dibelasah hingga tinggal nyawa-nyawa ikan dan mahasiswa leukimia yang semakin cair sel darah merah di tubuhnya itu, tidak perlukah mereka itu diberi darah?

“Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia ini, tidak pernah adil, Solehah.” Titis air mataku gugur di hujung jari Solehah. “Engkau hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan. Tuan Besar Musa itu, tubuhnya tidak mahu menerima darah tetapi pakar-pakar itu...,” sebak menyendat di dadanya.

“Dapatkan 10 pek darah sekarang!” Arah Doktor Juaidi apabila cupingnya diusapi suara lembut Doktor Murni, yang menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang. “Dapatkan di hospital lain, segera.”

Untuk siapa? Hatinya musykil sendiri.

Dipetik daripada ‘Gerhana Manusia’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Selain Tuan Besar Musa, jelaskan keadaan dua lagi pesakit yang berada di wad Unit Rawatan Rapi di hospital tersebut. [2 markah]

- (ii) Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sangat mengharapkan kerjasama daripada masyarakat di negara ini untuk bersama-sama menyumbang darah kepada Tabung Darah Negara. Namun, wujudnya kerentenan birokrasi dalam kalangan masyarakat menyebabkan orang ramai kurang berminat untuk menderma darah.

Pada pendapat anda, bagaimanakah kerentenan birokrasi ini dapat diatasi dalam kalangan penjawat awam? [3 markah]

- (iii) Jelaskan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan satu pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

## Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah *perahunya orang-orang*. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua, tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah.

Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api.

Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Maka kata Awi Dicu, “Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini.”

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejada Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *perahunya orang-orang* dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Tun Umar terhadap perahu-perahu Siam itu? [3 markah]
- (iii) Berdasarkan petikan di atas, Tun Umar digambarkan sebagai seorang remaja yang berani menghadapi cabaran bagi menewaskan tentera Siam ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.  
Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh remaja pada abad ke-21? [3 markah]

## Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### KUDUP PERANG

Sementara dia bergelar panglima  
laskar perang; yang terus-menerus  
membajakan kezaliman – sering  
mengudupkan putik dendam  
kita masih perlu berterima kasih  
kepada jari-jemari takdir  
kerana membenarkan sepasang mata  
untuk berlari dengan tangan bergari  
sempat juga menadah sejambak puisi  
untuk sehari lagi; sambil bertanya;  
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk  
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus  
ringkik kuda, gemerincing  
pedang pusaka  
dan darah yang tiba-tiba membuaik  
di daerah angkara – perciknya  
menumbuhkan kelopak rahsia  
dalam keliru, tertanya-tanya kita  
tangan mana yang memenggal  
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih  
tidak mahu  
menyanjungnya pendekar paling gagah  
kerana takhta setia terbina  
di istana wangsa  
bukanlah penjamin kukuhnya  
pasak saksama  
sesekali turut direntakan daki pendusta  
melekatlah selumbar sengsara  
di tiang maruah kota.

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) padat
- (ii) lembap
- (iii) ekspedisi

**[6 markah]**

- (b) *Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut:*

Subjek: \_\_\_\_\_

Predikat: \_\_\_\_\_

- (i) Untuk memperoleh kecemerlangan, semua murid disarankan membuat ulang kaji pelajaran di rumah.
- (ii) Ketika dalam perjalanan pulang ke asrama emak menyediakan bekalan makanan untuk kami.
- (iii) Bertungkus-lumus para petani menyelamatkan sayur-sayuran apabila ladang mereka dilanda ribut pada petang semalam.

**[6 markah]**

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kemenangan pasukan bola tampar negara menjadi penanda aras positif dalam pengembangan bola tampar tanahair.
- (ii) Ibu bapa dinasihatkan supaya mengawaskan anak-anak ketika mereka bermain di papan gelungsur.
- (iii) Siswazah harus bersikap pro-aktif untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan melalui sektor perusahaan dan perniagaan.

**[6 markah]**

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Empat orang terbunuh dalam pertempuran di udara di antara dua pesawat ringan di Australia, semalam.
- (ii) Banyak permintaan hotel terpaksa pelanggan batalkan kerana mereka bimbang tentang wabak virus COVID-19.
- (iii) Badan perpustakaan di negeri dan di daerah perlu lebih mendekati masyarakat tentang menghabiskan waktu terbuang di perpustakaan.

[6 markah]

(e) Baca dialog di bawah ini dengan teliti dan kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam dialog tersebut.

Sofia : Ayah, saya telah memikirkan perkara ini semasak-masaknya. Saya tidak mahu seperti (i) \_\_\_\_\_ jika saya meneruskan cita-cita saya sebagai seorang pemain tenis. Pelajaran saya banyak yang tertinggal.

Ayah : Bukankah cita-cita kamu mahu menjadi pemain tenis yang terkenal yang berjaya dalam bidang sukan dan pelajaran pada suatu hari nanti. (ii) \_\_\_\_\_. Ayah sentiasa menyokong kamu. Kamu harus kuat dan terus bersemangat, Sofia.

Mama : Jika Sofia sentiasa berusaha dengan gigih dalam sukan tenis ini, sudah tentu pada suatu hari nanti, Sofia akan muncul sebagai pemain tenis terkemuka yang berjaya mengibarkan Jalur Gemilang di persada dunia. Hal ini ibarat, (iii) \_\_\_\_\_.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel***[15 markah]*

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
  - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
  - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
  - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari,uraikan **sinopsis** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, nyatakan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang dapat menjelaskan **pengajaran kegigihan** kepada pembaca. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**